



أونيون سبتي مليسيا فعی السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN PETANQUE

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Petanque Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)

2. PERATURAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan AM Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) yang dikuatkuasa sepanjang kejohanan sukan ini.

3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 3.1 Undang-Undang dan Peraturan Pertandingan adalah tertakluk kepada;
 - 3.1.1 Peraturan dan Undang-Undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of The Games of Petanque) bersama pindaan yang ditetapkan oleh Federation International de Petanque Et Jeu Provinclal (FIPJP) pada tahun 2010 di Izmir, Turkey.
 - 3.1.2 Sekiranya timbul perselisihan dalam pentafsiran, maka pentafsiran dalam bahasa Inggeris akan dipatuhi.

4. FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Acara yang dipertandingkan adalah **ACARA BERPASUKAN** iaitu seperti berikut:-

ACARA	LELAKI	WANITA
Perseorangan	1 orang	1 orang
Bergu	2 orang	2 orang
Trio	3 orang	3 orang
JUMLAH	6 orang	6 orang

- 4.2 Setiap peserta hanya dibenarkan menyertai satu (1) kategori acara sahaja.
- 4.3 Setiap fakulti / pasukan hanya dibenarkan mendaftar 1 penyertaan sahaja untuk setiap acara.
- 4.4 Hanya pemain yang didaftarkan sahaja boleh menyertai kejohanan ini.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan secara Liga Berkumpulan – Kalah Mati.
- 5.2 Penentuan keputusan perlawanan adalah berdasarkan kepada Kaedah Penentuan Permainan Bermasa (30 minit) atau Kaedah Penentuan Mata Penuh (13 mata) atau gabungan kedua – duanya merujuk kepada mana yang terdahulu.
- 5.3 Apabila tempoh masa permainan tamat, END yang sedang berlangsung perlu diselesaikan. Tambahan satu END penentuan akan diberikan sekiranya mata di antara kedua – dua pasukan adalah terikat.
- 5.4 Adalah menjadi tanggungjawab peserta atau pasukan untuk mengesahkan keputusan perlawanan dengan menurunkan tandatangan di atas borang markah keputusan perlawanan.

6. PAKAIAN DAN PERALATAN

- 6.1 Semua pemain dalam satu pasukan hendaklah berpakaian seragam, berseluar slack casual atau track bottom panjang, berstokin dan berkasut.
- 6.2 Pakaian perlulah sentiasa dalam keadaan terurus dan kemas.
- 6.3 Pakaian berasaskan kain jeans ‘denim’ atau pakaian terlalu ketat dan boleh menimbulkan ghairah adalah tidak dibenarkan.
- 6.4 Pihak pengajur dan jawatankuasa teknikal pertandingan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana peserta bertanding sekiranya tidak mematuhi peraturan pemakaian yang telah dinyatakan.

- 6.5 Boule dan jack yang diiktiraf oleh FIPJP atau Persekutuan Petanque Malaysia (PPM) sahaja yang boleh digunakan untuk pertandingan. Pemain yang menggunakan boule yang lain daripada yang dinyatakan diatas akan mengakibatkan keputusan melibatkan pemain tersebut tidak disahkan

7. KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

- 7.1 Pasukan yang gagal hadir ke tempat perlawanan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan, akan dikenakan denda 1 mata dan diberikan kepada pihak lawan bagi tempoh 5 minit pertama permainan, dan seterusnya penambahan denda 1 mata bagi setiap 5 minit berikutnya. Tiada perlawanan akan diadakan selepas 30 minit kelewatan kehadiran, dan kemenangan mata penuh diberikan kepada pihak lawan.
- 7.2 Peserta yang ingin meninggalkan 'sementara' perlawanan adalah perlu memaklumkan kepada pengadil dan menghabiskan 'boule' sendiri terlebih dahulu bagi END yang sedang berlangsung.
- 7.3 Peserta yang didapati secara sengaja cuba untuk melewatkannya permainan akan dikenakan tindakan mengikut peruntukan undang-undang pertandingan.

8. MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

- 8.1 Peraturan Am Kejohanan SUKFAC akan digunapakai.

9. BANTAHAN

- 9.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC).

10. PERCANGGAHAN

- 10.1 Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) akan digunapakai.